



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PINDAAN) 2022 DAN AKTA KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2022 SERTA DUA (2) PERUNDANGAN SUBSIDIARI BAHARU YANG DIKUATKUASAKAN OLEH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Putrajaya, 3 April 2024 – Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 [Akta A1648] dan Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 [Akta 835] telah diluluskan oleh Parlimen pada 16 Mac 2022.

Selaras dengan kelulusan kedua-dua Akta tersebut, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menggubal perundangan subsidiari baharu di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) [Akta 514] bagi menggantikan perundangan subsidiari lama di bawah Akta yang dimansuhkan.

Penggubalan ini dibuat bagi memastikan peralihan peruntukan dan pembangunan sistem yang terkandung dalam perundangan subsidiari lama kepada perundangan subsidiari baharu berjalan lancar dengan kesan yang minima kepada industri mahupun perkhidmatan Jabatan apabila kedua-dua Akta tersebut dikuat kuasa.

Pada 2 April 2024, YB Menteri Sumber Manusia telah menandatangani warta bagi Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta 835 dan Akta A1648.

YB Menteri Sumber Manusia juga telah menandatangani dua (2) warta bagi perundangan subsidiari baharu iaitu Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Orang Berlesen) 2024.

Semua perundangan tersebut telah disiarkan dalam Warta oleh Jabatan Peguam Negara pada 2 April 2024 dan akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2024.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
4 APRIL 2024**